

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH**  
**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PENUTUP *THE 3<sup>RD</sup> INTERNATIONAL INNOVATION, DESIGN  
AND ARTICULATION (i-IDeA 2016)***

**DEWAN 2020, KANGAR PERLIS**  
**29 APRIL 2016 (JUMAAT)**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T.

Salam Perlis Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju.

Salam UiTM “Usaha, Taqwa, Mulia”.

**YANG BERUSAHA ENCIK ZAILUDIIN ARIFFIN**

Rektor, UiTM Perlis

**YANG BERUSAHA DR. SHAFUL ANNUAR KHALID**

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTM Perlis

**YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. MOHD AZLAN MOHD ISHAK**

Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri Masyarakat & Alumni UiTM Perlis

Pegawai-pegawai Tertinggi UiTM Perlis, Ketua-ketua Pusat Pengajian

Dif-dif jemputan dari dalam dan luar negara, Wakil-wakil penaja, rakan-rakan strategik i-IDeA 2016

Wakil-wakil Media, Dewan Kosmik, Ahli-ahli Jawatankuasa i-IDeA 2016 dan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan inayah-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk bersama-sama

menjayakan Majlis Penutup *The 3<sup>rd</sup> International Innovation, Design and Articulation* (i-IDeA) 2016.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis kerana sekali lagi telah berjaya menganjurkan program yang amat bermanfaat ini. Saya berasa amat bertuah dan berbangga kerana dapat bersama-sama dengan para tetamu jemputan serta para peserta i-IDeA 2016 pada pagi yang sangat bermakna ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,*

3. Seperti para hadirin sedia maklum, *The 3<sup>rd</sup> International Innovation, Design and Articulation* (i-IDeA 2016) yang berlangsung dari 27 hingga 29 April 2016 bertempat di Dewan 2020, Kangar telah dianjurkan oleh UiTM Cawangan Perlis dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis serta Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

4. Saya difahamkan bahawa program i-IDeA 2016 yang kini memasuki tahun ketiga penganjurannya oleh UiTM Perlis bertujuan untuk memupuk budaya penyelidikan serta menggalakkan penghasilan atau inovasi produk melalui cetusan idea-idea yang kreatif. Saya juga telah dimaklumkan bahawa jumlah penyertaan pada tahun ini meningkat dengan drastik jika dibandingkan dengan penganjuran pada tahun pertama dan tahun kedua iaitu sebanyak lebih kurang 600 penyertaan. Sekalung ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan.

5. Matlamat penganjuran program ini antara lainnya juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara para penyelidik dan pelajar dari institusi pengajian tinggi dalam dan juga luar negara. Saya percaya program selama 3 hari ini berkemampuan untuk membuka ruang dan peluang bagi jalinan kerjasama dua hala antara institusi pengajian tinggi dan pelbagai industri dalam penghasilan produk-produk yang baru, selain sebagai platform keusahawanan bagi mengkomersilkan produk-produk baru buatan tempatan dan antarabangsa supaya ianya boleh sama-sama dimanfaatkan oleh masyarakat.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

6. Seperti semua sedia maklum, tujuan utama bagi penganjuran i-IDEA 2016 ini adalah untuk mempamerkan dan mempertandingkan reka cipta inovasi dan idea yang dihasilkan oleh ahli akademik dan bukan akademik, penyelidik, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan luar negara serta sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Saya amat berkeyakinan bahawa platform ini juga boleh dijadikan oleh kumpulan penyelidik, pelajar, ahli akademik tempatan serta antarabangsa untuk mengembangkan idea baru kepada bentuk inovasi yang mempunyai nilai komersial.

7. Saya telah dimaklumkan bahawa bagi memastikan kelancaran dan pengiktirafan program i-IDEA 2016 ini, UiTM Perlis juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan beberapa institusi di luar negara seperti Prince Songkhla University (Hat Yai), Prince Songkhla University (Pattani) dan juga Universitas Islam Riau. Pada masa yang sama, universiti tempatan juga tidak ketinggalan untuk turut serta sebagai rakan strategik dalam penganjuran i-IDEA 2016 ini termasuklah Universiti Utara Malaysia (UUM), Persatuan Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal (MASS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan juga Dewan Kosmik selaku majalah rasmi i-IDEA 2016.

8. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur yang telah berjaya mencurahkan idea dan keringat dalam usaha untuk merealisasikan penganjuran program ini.

9. Justeru, dengan lafaz Bismillahhirahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penutup Pertandingan “The 3<sup>rd</sup> International Innovation Design & Articulation 2016 (The 3<sup>rd</sup> i-Idea 2016)”** ini.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.